



محكمة حاكم شرعي نكري فوق لاقينغ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (5)

Tarikh : 4 September 2014

9 Zulkaedah 1435H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 9 TAHUN 2014
GARIS PANDUAN PAKAIAN PENOLONG PENDAFTAR DAN PEMBANTU SYARIAH
KETIKA BERTUGAS DI DALAM DEWAN BICARA**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2014 pada 22 Ogos 2014 telah bersetuju dan memutuskan bahawa Penolong Pendaftar dan Pembantu Syariah hendaklah mematuhi garis panduan berpakaian ketika bertugas di dalam dewan bicara seperti berikut:

- Lelaki : Bersongkok hitam, berkot hitam, berkemeja cerah, bertali leher gelap dan berseluar panjang dan berkasut hitam dan/atau berbaju melayu serta bersampin.
- Perempuan : Berkot hitam, bertudung gelap serta tidak bercorak, berbaju kurung, berstokin dan berkasut hitam bertutup.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (6)

Tarikh : 30 Disember 2014

8 Rabiul Awal 1436H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 10 TAHUN 2014
PENENTUAN BIDANGKUASA SIASATAN PERMOHONAN FARAID**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2014 pada 27 November 2014 telah bersetuju dan memutuskan bahawa penentuan bidangkuasa permohonan faraid hendaklah seperti berikut :-

- 1) Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah.
 - i) Mana-mana permohonan yang melibatkan harta alih sahaja yang nilai hartanya melebihi seratus ribu ringgit (Contoh: wang simpanan, saham, kenderaan, caruman KWSP, kereta dan sebagainya);
 - ii) Mana-mana permohonan yang melibatkan harta tak alih sahaja dalam apa-apa jua jumlah nilai harta (Contoh: Rumah dan Tanah); dan

